

PENENTUAN WAKTU REMBANG MENURUT HITUNGAN FALAK DAN HUKUM SOLAT PADANYA

Determination of the Time of Solar Zenith According to Astronomical Calculations and the Ruling on Praying

ⁱ* Nabeela Akrasha binti Surtahman

ⁱⁱZubair bin Amir Nur Rashid

ⁱPegawai Penyildik, Jabatan Mufti Negeri Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor,
nabeela@muftiselangor.gov.my.

ⁱⁱPensyarah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur,
zubairislah@gmail.com

(Corresponding author) e-mail: nabeela@muftiselangor.gov.my.

ABSTRAK

Waktu rembang atau juga dikenali sebagai waktu istiwā' merupakan suatu tempoh ketika matahari berada tegak di atas meridian tempatan. Dalam Islam, waktu ini penting dalam menentukan waktu solat, walau bagaimanapun terdapat larangan khusus daripada hadis Nabi SAW untuk mengerjakan solat pada waktu tersebut. Hadis tersebut menyebut tiga waktu larangan termasuk waktu rembang. Para ulama telah menyebutkan dalam kitab *turāth* bahawa waktu rembang adalah

sangat singkat sehingga tidak sempat untuk dikerjakan solat. Artikel ini ditulis bagi mengkaji tempoh waktu rembang yang sebenar dalam kiraan jam moden menurut perhitungan ilmu falak. Dapatkan kajian mendapati bahawa waktu rembang hanya singkat iaitu sekitar 1 minit 4 saat jika dikira daripada pusat matahari, manakala 2 minit 8 saat jika dikira daripada cakera matahari sebelum matahari tergelincir atau sebelum masuknya waktu Zohor. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab *turāth fiqh* mazhab Shafi‘ī berkaitan isu solat pada waktu larangan. Kajian ini turut merujuk kepada data daripada kajian-kajian falak bagi mengenalpasti kedudukan matahari pada waktu rembang serta waktu yang diambil untuk tempoh peralihan pusat atau cakera matahari di sebelah timur masuk dan keluar dari garisan meridian. Pengkaji mendapati bahawa penyataan yang disebutkan oleh para ulama silam adalah tepat memandangkan waktu rembang yang begitu singkat sehingga tidak sempat untuk mendapat sekurang-kurang solat. Kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada umat Islam dalam memahami waktu rembang dalam kiraan jam moden serta implikasi hukumnya terhadap pelaksanaan solat.

Kata Kunci: waktu rembang; waktu istiwa, larangan solat, perhitungan falak

ABSTRACT

The time of Solar Zenith or known as *istiwā'* refers to the period when the sun is directly overhead at the local meridian. In Islam, this time holds significance in determining prayer times since a hadith prohibits performing prayers during this time. The hadith mentions three prohibited times for prayer, including during *istiwā'*. Scholars have noted in classical texts that *istiwā'* is extremely brief, making it impractical to perform any prayer during this time. This article aims to examine the exact duration of *istiwā'* in modern time measurements based on astronomical calculations. This research findings indicate that *istiwā'* is very short, lasting approximately 1 minutes and 4 seconds if measured from the center of the sun, meanwhile 2 minutes and 8 seconds if measured from the sun's disk before the sun begins its descent or before the entry of Zuhr prayer. This study adopts a library research method by referring to classical Shafi'i jurisprudential texts regarding the issue of prayer during prohibited times. It also consults astronomical data to determine the sun's position during *istiwā'* and the time taken for the transition of the sun's center or sun's disk as it enters and exits the meridian line from the East. The research confirms that the statements made by past scholars are accurate, as *istiwā'* is so brief that even the minimum time required to perform a prayer is insufficient. The researchers hope that this article would guide Muslims in understanding

istiwā' time in modern clock and its legal implications for the performance of prayers.

Keywords: The time of Solar Zenith, *istiwā'*, prayer prohibition, astronomical calculations

PENDAHULUAN


Waktu rembang atau juga dikenali sebagai waktu *istiwā'* atau waktu transit, iaitu tempoh waktu ketika mana pusat matahari melintasi titik meridian samawi tempatan. Dalam ilmu falak, waktu rembang menjadi rujukan asas dalam membuat hitungan waktu solat utama, iaitu waktu Solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Terdapat larangan daripada Nabi SAW berkaitan solat yang dikerjakan pada waktu tersebut. Namun begitu, tiada ketetapan yang jelas daripada Nabi SAW berkenaan masa sebenar mengikut kiraan jam yang digunakan pada zaman moden ini. Malah, waktu rembang juga boleh berbeza antara tempat dengan tempat yang lain, satu negara dengan negara yang lain. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan waktu rembang dan hukum solat pada waktu tersebut.

EPISTEMOLOGI WAKTU REMBANG

Waktu rembang ialah istilah yang sering diguna pakai oleh masyarakat sebagai indikasi waktu yang mana matahari panas tegak di atas kepala. Sinonim dengan istilah ilmu falak, waktu rembang juga disebut sebagai waktu *istiwā'*. Waktu *istiwā'* merujuk kepada waktu ketika pusat cakera matahari melintasi

garisan meridian tempatan¹. Meridian tempatan ialah garisan tengah langit bagi sesuatu tempat yang memisahkan antara timur dan barat melalui titik tengah (zenit).

Rajah 1: Kedudukan matahari rembang atau *istiwā'*. Pusat matahari berada di meridian tempatan.



Sumber: Hardi 2011²


Fenomena ini boleh diperhatikan keadaan dan tempohnya melalui panjang bayang objek (yang tegak) pada waktu tersebut. Pada waktu rembang, bayang-bayang objek yang tegak menunjukkan bayang-bayang yang terpendek, dan ukurannya

¹ Saedah Haron, Raihana Abd. Wahab & Mohd Zambri. "Astronomi dan Ibadah". Prosiding Seminar Kebangsaan Teknologi Makmal ke-9. (Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 9.

² Hardi. "Kajian Penetapan Takwim Solat Pulau Pinang Menurut Ilmu Falak". Disertasi Sarjana, Universiti Malaysia, 2011, 65.

berubah-ubah sepanjang tahun bergantung kepada deklinasi (kecondongan) matahari. Ini bermaksud, waktu rembang harian ialah waktu di mana ukuran bayang-bayang objek berada pada tahap paling minima. Namun, pada tarikh-tarikh tertentu didapati tiada bayang yang terbentuk kerana matahari tidak condong dan berada tepat pada tengah langit³. Rajah menunjukkan keadaan matahari rembang (di dalam rajah ditulis *istiwā'*) dan hasil bayangan objek yang tegak pada waktu rembang.

Rajah 2: Kedudukan matahari semasa *istiwā'*



Sumber: Wan Kamel Wan Hussaid⁴

Dalam ilmu falak, waktu rembang yang dipanggil sebagai waktu *istiwā'* dianggap sebagai waktu asas dalam membuat kiraan

³ Fenomena ini disebut sebagai hari tanpa bayang yang berlaku hanya dua kali dalam setahun.

⁴ Wan Kamel Wan Hussaid. Slide Hitungan Waktu Solat. Bahagian Ukur Geodetik, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, t.t.

waktu solat yang lain. Umumnya, waktu solat telah diterangkan dalam al-Quran dan hadis, seperti dalam firman Allah SWT dalam surah *al-Isra'* ayat 78:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسْقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ إِنَّ
قُرْءَانَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا

Maksudnya: Dirikanlah olehmu solat ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) solat subuh sesungguhnya solat subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya).

(Surah *al-Isrā'*: 78)

Waktu solat boleh ditentukan melalui pengamatan kedudukan matahari. Tergelincir matahari dalam dalil di atas merujuk kepada kedudukan matahari setelah berakhirnya waktu rembang dan masuknya waktu Zohor. Orang Islam boleh mengukur bayang-bayang objek untuk mengetahui masuknya waktu solat sehingga solat-solat berikutnya. Batas-batas waktu solat ini ditentukan waktunya mengikut pergerakan matahari yang merujuk kepada satu titik tertentu dan juga ukuran bayang-bayang objek. Perkara ini disandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amru, sabda Rasulullah SAW:

وَقَتُّ الظُّهُرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُولِهِ مَا لَمْ
يَخْضُرِ الْعَصْرُ وَوَقَتُ الْعَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرِ الشَّمْسُ وَوَقَتُ صَلَاةِ
الْمَغْرِبِ مَا لَمْ يَغِبِ السَّقْعُ وَوَقَتُ صَلَاةِ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ الَّيْلِ
الْأَوْسَطِ وَوَقَتُ صَلَاةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ

الشَّمْسُ فِإِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ فَأَمْسِكُ عَنِ الصَّلَاةِ فَإِنَّهَا تَطْلُعُ
بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ

Maksudnya: Waktu Zohor bermula apabila matahari telah tergelincir dan panjang bayang-bayang seseorang itu sama dengan tingginya selagi belum masuk waktu Asar. Waktu Asar bermula apabila cahaya matahari belum berubah menjadi warna kekuningan. Waktu Maghrib bermula selama shafaq (moga merah) masih belum lenyap, dan waktu Isyak berakhir pada tengah malam kedua, sedangkan waktu Subuh bermula sejak terbit fajar hingga matahari terbit. Jika matahari terbit, maka hentikanlah solat kerana ia terbit di antara dua tanduk syaitan.⁵

(Riwayat Muslim)

Solat merupakan ibadah paling utama kepada Allah SWT. Solat fardu wajib dilakukan oleh setiap mukalaf pada waktu-waktu tertentu. Manakala solat sunat juga dituntut untuk menampung kekurangan pada solat fardu tersebut. Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ: انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطْوِعٍ فَإِنْ كَانَ لَهُ تَطْوِعٌ فَالْأَعْمَالُ
لِعَبْدِي فَرِيضَتُهُ مِنْ تَطْوِعِهِ ثُمَّ تُؤْخَدُ الْأَعْمَالُ عَلَى دَائِكُمْ

⁵ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj. *Šaḥīḥ Muslim*. (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, 1955), Hadis no. 612.

Maksudnya: Dia (Allah SWT) berfirman: Lihatlah apakah hamba-Ku (melakukan) tatawwu' (solat sunat)? Jika ada, maka disempurnakanlah dengannya apa yang kurang dari solat fardunya, kemudian begitu pula dengan seluruh amalan mereka.⁶

(Riwayat Abu Dāwūd)

Namun, persoalannya di dalam konteks ini, adakah waktu rembang termasuk dalam waktu yang dibolehkan solat atau sebaliknya?

HUKUM SOLAT WAKTU REMBANG

Secara asasnya, antara waktu yang diharamkan solat sunat adalah pada waktu matahari berada pada pertengahan langit. Daripada 'Uqbah Ibn 'Amir katanya:

ثَلَاثُ سَاعَاتٍ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَا إِنْ
نُصِّلِّي فِيهِنَّ أَوْ أَنْ نَقْبُرْ فِيهِنَّ مَوْتَانًا حِينَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ بِأَزْغَةَ
حَتَّى تَرْتَقِعَ وَحِينَ يَقُومُ قَائِمُ الظَّهِيرَةِ حَتَّى تَمْبَلَ الشَّمْسُ وَحِينَ
تَضَيَّفُ الشَّمْسُ لِلْعُرُوبِ حَتَّى تَعْرُبَ

Maksudnya: Ada tiga waktu yang Rasulullah SAW melarang kami untuk solat atau mengebumikan mayat pada waktu tersebut, iaitu ketika matahari

⁶ Abū Dāwūd (Dā'ūd), Sulaymān bin al-Ash'ath al-Azdī al-Sijistānī, *Sunan Abi Dāwūd*, (Beirut: Dār al-Risālah al-'Alamiyyah, 2009), Hadis no. 864, 2: 149.

terbit sehingga meninggi, ketika matahari rembang (waktu istiwā' iaitu ketika matahari tegak atas kepala) sehingga tergelincir matahari dan ketika matahari hendak terbenam sehingga terbenam.⁷

(Riwayat Muslīm)

Berdasarkan dalil ini, solat pada waktu rembang ialah diharamkan, dan menurut pendapat muktamad, larangan solat pada waktu rembang ialah larangan makruh *tahrim* dan boleh menyebabkan solat tersebut tidak sah. Dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj*;

وَتُنْكِرُ الصَّلَاةُ عِنْدَ إِسْتِوَاءِ كَرَاهَةَ تَحْرِيمٍ

Maksudnya: Makruh tahrim (berdosa) melakukan solat ketika matahari berada di tengah-tengah langit.⁸

Walau bagaimanapun, solat pada waktu rembang boleh dilakukan dalam beberapa keadaan iaitu pada hari Jumaat (bagi lelaki) dan di Tanah Haram Mekah, seperti sabda Rasulullah SAW daripada Jubair bin Muṭ'im RA:

⁷ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), Hadis no. 831, 5: 568.

⁸ Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Muḥammad bin Muḥamma. *Mughnī al-Muhtāj 'ilā Ma'rifat Ma'āni Alfāz al-Minhā*. (Beirut: Dār al-Risalah al-'Alamiyyah, 2009), 1: 309.

يَا بَنِي عَبْدٍ مَنَافٍ لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ وَصَلَّى أَيَّةً
سَاعَةً شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ

Maksudnya: Wahai Abd Manaf, janganlah kamu larang sesiapapun melakukan tawaf dan solat di Kaabah ini pada bila-bila masa yang dikehendakinya sama ada malam ataupun siang.⁹

(Riwayat Ibn Mājah)

Perbahasan ini juga disebutkan di dalam kitab al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah:

يحرم الصَّلَاةُ فِي غَيْرِ حَرَمٍ مَكَّةَ وَقَتْلُوعُ الشَّيْسِ حَتَّى تَرْفَعَ
قَدْرُ رَمْحٍ وَوقْتُ الْاسْتِوَاءِ إِلَّا يَوْمُ الْجُمُعَةِ حَتَّى تَرْزُولَ وَوقْتُ
الْأَصْفَارِ حَتَّى تَغْرُبَ وَبَعْدَ صَلَاتِ الصُّبْحِ حَتَّى تَطْلُعَ وَبَعْدَ صَلَاتِ
الْعَصْرِ حَتَّى تَغْرُبَ

Maksudnya: Diharamkan solat selain di Masjidil Haram di Mekah i) pada waktu terbit matahari sehingga ia naik pada kadar segalah. ii) Juga pada waktu istiwā' (matahari rembang) kecuali pada hari Jumaat sehingga gelincir matahari. iii) Waktu senja sehingga terbenam matahari. iv) Waktu selepas solat Subuh hingga terbit matahari.

⁹ Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. (Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t), Hadis no. 1254, 1: 398.

v) *Waktu selepas solat Asar sehingga terbenam matahari.*¹⁰

Larangan solat ini adalah terikat dengan solat yang tiada sebab seperti solat sunat mutlak dan juga solat yang sebabnya terkemudian (*sabab muta'akhkhar*). Oleh itu, harus mengerjakan solat pada waktu larangan ini ketika wujudnya sebab yang mendahului (*sabab mutaqaddim*) solat tersebut, seperti solat sunat tahiyyatul masjid, solat qada' dan lain-lain seperti mana yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawī:

أَمّا حُكْمُ الْمَسْأَلَةِ فَمَذْهَبُنَا أَنَّ النَّهْيَ عَنِ الصَّلَاةِ فِي هَذِهِ
الْأَوْقَاتِ إِنَّمَا هُوَ عَنْ صَلَاةٍ لَا سَبَبٌ لَهَا. فَإِنَّمَا مَا لَهَا سَبَبٌ فَلَا
كَرَاهَةَ فِيهَا وَالْمُرَادُ بِذَاتِ السَّبَبِ الَّتِي لَهَا سَبَبٌ مُتَقَدِّمٌ عَلَيْهَا
فَمِنْ ذَوَاتِ الْأَسْبَابِ الْفَائِتَةِ فَرِيضَةٌ كَانَتْ أَوْ نَافِلَةً إِذَا قُلْنَا
بِالْأَصَحِّ أَنَّهُ يُسْنُ قَضَاءُ النَّوَافِلِ فَلَهُ فِي هَذِهِ الْأَوْقَاتِ قَضَاءٌ
الْفَرَائِضِ وَالنَّوَافِلِ الرَّاتِبَةِ وَغَيْرِهَا وَقَضَاءُ نَافِلَةٍ الْخَدَّهَا وَرْدًا وَلَهُ
فِعْلُ الْمَنْدُورَةِ وَصَلَاةُ الْجِنَّةِ وَسُجُودُ التَّلَاقَةِ وَالشُّكْرِ وَصَلَاةُ
الْكُسُوفِ وَصَلَاةُ الطَّوَافِ وَلَوْ تَوَضَّأَ فِي هَذِهِ الْأَوْقَاتِ فَلَهُ أَنْ
يُصَلِّي رُكْعَيَّ الرُّضُوءِ.

Maksudnya: Adapun hukum dalam perbahasan ini bagi mazhab kami (mazhab al-Shāfi'i) bahawa larangan solat pada waktu-waktu ini ialah bagi

¹⁰ Al-Hadramī, Abdullāh bin Abd al-Rahmān. *Al-Muqaddimah al-Hadramiyah*. (Damsyik: Dār al-Muttaqidah, 1993), 1: 58.

solat yang tiada sebab. Manakala bagi solat yang mempunyai sebab maka tidak diharamkan. Maksud solat yang mempunyai sebab ialah sebab (yang disunatkan untuk solat) itu mendahului solat tersebut. Antara sebab yang mendahului solat tersebut ialah solat yang ditinggalkan sama ada solat fardu ataupun sunat. Hal ini jika kita menyatakan dengan pandangan yang paling sahih (di sisi mazhab al-Shāfi'i) bahawa disunatkan untuk mengqadakan solat sunat, maka pada waktu tersebut dibolehkan mengqadakan solat fardu, sunat rawatib dan selainnya. Begitu juga, harus mengqadakan solat sunat yang dijadikan kebiasaan baginya, solat yang dinazarkan, solat jenazah, sujud tilawah, sujud syukur, solat gerhana, solat tawaf, serta jika dia berwuduk pada waktu-waktu ini maka dia boleh melaksanakan solat sunat dua rakaat.¹¹

Oleh itu, solat yang sebabnya mendahului sebagaimana contoh yang diberikan oleh Imam al-Nawawī atau solat yang sebabnya datang serentak seperti solat sunat gerhana, maka boleh dilakukan kerana tidak termasuk dalam larangan. Namun, jika sebabnya terkemudian seperti solat sunat istikharah dan solat sunat ihram hukumnya ialah haram dan tidak sah dilakukan. Imam al-Khātib al-Shirbīnī mengungkapkan;

¹¹ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī. *Al- Majmū' Sharḥ al-Muhazzab*. (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 4: 170.

أَمَا مَا لَهُ سَبَبٌ مُتَأَخِّرٌ كَرْكعَتِي الْإِسْتِخَارَةِ وَالْإِحْرَامِ فَإِنَّهَا لَا
تَنْعَقِدُ كَالصَّلَاةِ الَّتِي لَا سَبَبٌ لَهَا

Maksudnya: Adapun solat sunat yang sebabnya terkemudian seperti solat sunat istikharah dan ihram maka ia tidak sah (dilaksanakan pada waktu yang diharamkan) kerana (hukumnya) sama seperti solat yang tiada sebab baginya.¹²

Rumusannya, cegahan mengerjakan solat pada waktu terlarang yang disebutkan oleh Nabi SAW ini bukanlah satu larangan yang bersifat mutlak terhadap semua solat. Larangan ini terikat dengan solat yang mempunyai sebab terkemudian atau solat yang tidak mempunyai sebab. Selain itu, larangan itu juga tidak berkait pada sebahagian waktu dan tempat seperti pada hari Jumaat bagi lelaki atau ketika seseorang berada di Tanah Haram sebagaimana yang telah dijelaskan.

TEMPOH WAKTU REMBANG MENURUT HITUNGAN FALAK

Solat pada waktu rembang yang dilarang ialah solat yang dikerjakan setelah berakhirnya waktu Dhuha. Setelah berakhirnya waktu Dhuha, maka ketika itulah bermula waktu rembang sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Rāfi‘ī dalam kitabnya *Fath al-‘Azīz bi Sharḥ al-Wajīz* berkata:

¹² Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Iqnā‘ fī ḥall Al-fāz Abi Shujā‘*. (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 1: 161.

وَقْتُهَا مِنْ حِينِ تَرْفَعُ الشَّمْسُ إِلَى الْإِسْتِواءِ

Maksudnya: Dan waktu (solat Dhuha) ketika matahari terbit sehingga waktu istiwā'.¹³

Difahami bahawa tempoh waktu rembang adalah sangat singkat sehinggakan tidak sempat pun untuk mengerjakan satu solat dalam waktu tersebut kerana waktu rambang berakhir ketika gelincirnya matahari, iaitu ketika masuknya waktu Zohor.

Dalam kitab *Nihāyat al-Muhtāj*, Imam Shihāb al-Dīn berkata:

وَاعْلَمُ أَنَّ وَقْتَ الْإِسْتِواءِ لَطِيفٌ لَا يَتَسَدَّعُ لِصَلَاةٍ وَلَا يَكَادُ يُشَعِّرُ
بِهِ حَتَّى تَرُوَّلَ الشَّمْسُ إِلَّا أَنَّ التَّحْرُمَ قَدْ يُمْكِنُ إِيَقَاعُهُ فِيهِ فَلَا
تَصِحُّ الصَّلَاةُ

Maksudnya: Ketahuilah bahawa waktu istiwā' itu hanya sekejap sahaja, tidak sempat untuk mengerjakan solat, dan hampir tidak disedari sehingga tergelincir matahari. Walau bagaimanapun, takbiratul ihram mungkin sempat dilakukan pada waktu itu, maka solat menjadi tidak sah.¹⁴

¹³ Al-Rāfi'i, Imam Abū al-Qāsim Abdul Karīm bin Muhammad al-Rāfi'i. *Fath al-'Azīz bi Sharḥ al-Wajīz*. (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 4: 258.

¹⁴ Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muhammad bin Abū al-Abbās Ahmad bin Hamzah. *Nihāyat al-Muhtāj 'ilā Sharḥ al-Minhāj*. (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 1: 384.

Solat yang mungkin berlaku dalam waktu rembang ini serta termasuk dalam larangan adalah jika takbiratul ihram bagi solat itu dilakukan betul-betul pada waktu rembang tersebut secara yakin. Menurut Imam Sulayman bin Muhammed al-Bujayrimī:

(قَوْلُهُ عِنْدَ اسْتِوَاءِ) أَيْ: يَقِينًا فَلَوْ شَئْ لَمْ يَخْرُمْ عَشْ قَالَ حَلْ: قَوْلُهُ عِنْدَ اسْتِوَاءِ بِأَنْ قَارَنَّتِ التَّحْرُمُ لِأَنَّ وَقْتَ الْاسْتِوَاءِ لَطِيفٌ لَا يَسْعُ صَلَاتَةً اه

Maksudnya: (Pada waktu istiwa') iaitu dilakukan secara yakin, jika seseorang syak maka ia tidak diharamkan menurut Shibrāmaliṣī. al-Halbi berkata: Perkataan pengarang pada waktu istiwa' bermaksud takbiratul ihram dikerjakan serentak dengan waktu istiwa' kerana waktunya singkat dan tidak sempat untuk dikerjakan solat.¹⁵

Berdasarkan teks tersebut, para ulama menyifatkan bahawa waktu *istiwa'* atau waktu rembang itu sangat singkat serta tidak sempat untuk dikerjakan sekurang-kurang solat pada waktu tersebut. Sehubungan dengan itu, bagaimanakah kiraan dalam hitungan jam moden pada hari ini menurut ilmu falak?


Menurut hitungan falak, masa yang diambil pada waktu rembang di mana kedudukan matahari berada di meridian tempatan adalah 1 minit 4 saat sebelum gelincirnya matahari¹⁶

¹⁵ Al-Bujayrimī, Sulayman bin Muhammed. *Hāshiyah al-Bujayrimī 'alā al-Khatīb*. (Amman, Jordan: Dār al-Fikr, 1995), 1: 159.

¹⁶ Hardi, *Kajian Penetapan Takwim Solat Pulau Pinang Menurut Ilmu Falak*, 65.

(rujuk rajah 1.3: M2 beralih ke M3). Ini berdasarkan saiz purata separa diameter matahari (SD) iaitu $16'$ minit arka. Setiap $1'$ minit arka bersamaan 4 saat, maka $16'$ minit arka bersamaan 1 minit 4 saat. Walau bagaimanapun, sebagai langkah *ihtiyāt* (berjaga-jaga) dalam menentukan waktu rembang, tempoh peralihan pusat matahari di sebelah timur masuk ke garisan meridian (rujuk rajah 1.3: M1 beralih ke M2) juga diambil kira. Hasilnya, peralihan matahari dari M1 ke M3 menjadikan tempoh waktu rembang secara *ihtiyāt* adalah 2 minit 8 saat keseluruhannya sebelum gelincirnya matahari. Gelincirnya matahari pula menandakan masuknya waktu Zohor.

Rajah 3: Peralihan matahari dari M1 ke M3



M1: Kedudukan matahari sebelum rembang / *istiwa*
M2: Kedudukan matahari ketika rembang / *istiwa*
M3: Cakera matahari tergelincir ke arah barat sepenuhnya; *zawāl*

Sebagai contoh, pada 20 Julai 2024, waktu Zohor dalam zon 1 Negeri Selangor bermula pada jam 1.22 petang. Apabila mengambil kira tempoh 2 minit 8 saat sebelum masuk waktu Zohor, maka waktu rembang bermula pada 1.20 petang. Penentuan tempoh waktu rembang juga telah dinyatakan dalam sighah fatwa oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021 iaitu pada kadar 4 minit sebelum waktu Zuhur¹⁷. Parameter yang disandarkan ialah parameter matahari yang bermula dari piring barat matahari menyentuh meridian tempatan iaitu satu semi diameter selepas *istiwā'* sehingga tergelincir matahari sepenuhnya ke arah Barat (satu semi diameter selepas *istiwā'*). Tempoh waktu rembang menurut hitungan falak adalah singkat, namun pengaplikasiannya dalam takwim waktu solat boleh berbeza mengikut kadar *ihtiyāt* yang digunakan oleh pihak berautoriti.

KESIMPULAN

Waktu rembang atau waktu *istiwā'* ialah waktu di mana matahari melintasi garisan meridian tempatan. Secara *ihtiyāt*, waktu rembang memakan masa 2 minit 8 saat sebelum masuknya waktu Zohor. Hukum solat pada waktu rembang ialah haram kecuali pada beberapa keadaan, iaitu pada hari Jumaat (bagi lelaki), ketika di Masjidilharam, dan ketika solat sunat yang dilaksanakan mempunyai rebab yang mendahului solat tersebut atau sebabnya selari dengan solat tersebut.

¹⁷ Sighah Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 2021.

RUJUKAN

- Abū Dāwūd (Dā'ūd), Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī. *Sunan Abi Dāwūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-'Alamiyyah, 2009.
- Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj. *Šahīh Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Al-Bujayrimī, Sulaymān bin Muḥammad. *Hāshiyat al-Bujayrimī 'alā al-Khatīb*. Amman, Jordan: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Haḍramī, Abdullāh Ibn Abd al-Rahmān. *Al-Muqaddimah al-Hadramiyyah*. Damsyik: Dār al-Muttaḥidah, 1993
- Hardi. "Kajian Penetapan Takwim Solat Pulau Pinang Menurut Ilmu Falak". *Disertasi Sarjana*, Universiti Malaysia, 2011.
- Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Iqnā' fī Hālli Alfāz Abī Shujā'*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Muḥammad bin Muḥammad, *Mughnī al-Muhtāj 'ilā Ma'rifat Ma'āni Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Risālah al-'Alamiyyah, 2009.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *Al- Majmū' Sharḥ al-Muhazzab*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t
- Al-Rāfi'i, Imam Abū al-Qāsim Abdul Karīm bin Muhammad. *Fatḥ al-'Azīz bi Sharḥ al-Wajīz*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muhammad bin Abū al-Abbās. *Nihāyat al-Muhtāj 'ilā Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.
- Saedah Haron, Raihana Abd. Wahab & Mohd Zambri. "Astronomi dan Ibadah". Prosiding Seminar Kebangsaan Teknologi Makmal ke-9. Universiti Teknologi Malaysia, 2009.
- Wan Kamel Wan Hussaid. Slide Hitungan Waktu Solat. Bahagian Ukur Geodetik, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, t.t.